

Utusan Borneo 10.1.18

# Kerjasama pacu ekonomi negara

## ► Babitkan MOU antara Sabah Cement dan Eco Oils

Oleh ALFRED PETRUS

**KOTA KINABALU:** Kerjasama antara Industri Cement Industries (Sabah) Sdn Bhd (Sabah Cement) dan Eco Oils Sdn Bhd bakal memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Seri Panglima Raymond Tan Shu Kiah berkata usaha itu akan memberi kesan yang besar kepada pembangunan infrastruktur Sabah.

"Infrastruktur adalah pemacu penting bagi pertumbuhan ekonomi di semua rantau dan industri pembinaan yang rancak adalah penting untuk mencapai Rancangan Malaysia Keseluruhan (RMK11)

serta Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara.

"Oleh itu, secara literalnya, kerjasama yang dicapai oleh kedua-dua industri ini mampu mengembangkan infrastruktur yang membina masa hadapan serta merealisasikan impian kita bersama.

"Pada masa ini, industri pembinaan sangat penting kepada pertumbuhan ekonomi negara dan dijangka menyumbang sebanyak 5.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum (MOU) antara Sabah Cement dan Eco Oils Sdn Bhd, di sini pada Selasa.

Katanya Sabah mempunyai

permintaan tinggi dalam pembangunan infrastruktur.

Bagaimanapun jelasnya, adalah penting bagi industri mengekalkan tahap pembangunan yangihat untuk meningkatkan kecekapannya serta meminimumkan kesan negatif ke atas alam sekitar secara keseluruhan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Sabah Cement Bahrul Razha Chuprat berkata intipati MOU berkenaan adalah untuk mengadakan persetujuan penjualan dan pembelian 'Eco Processed Pozzalan' antara kedua-dua syarikat berkenaan.

"Setelah beberapa siri perbincangan dan perundingan antara Eco Oils Sdn Bhd dan Sabah Cement Industries, maka pada hari ini perjanjian penjualan dan pembelian Eco Processed

Pozzalan dimeterai yang mana, ia berupaya menjual dari produk sisa untuk diproses bersama simen keluarannya bagi menghasilkan simen campuran.

"Ia adalah bagi memenuhi keperluan permintaan simen khas untuk projek-projek infrastruktur seperti jambatan, jambatan dan jeti di Sabah.

"Melalui pengeluaran simen campuran ini, Sabah Cement juga dapat merealisasikan aspirasi kerajaan untuk mengeluarkan produk hijau yang mencapai pencemaran sifar di samping dapat membantu dalam pengurangan pencemaran melalui sistem kitar semula sisa," jelasnya.

Tambahnya pada peringkat awal, Sabah Cement akan membeli sebanyak 10,000 metrik tan Eco Processed



**BAHRUL (kiri) dan John (kanan) bertukar dokumen MOU sambil diperhatikan oleh Raymond (dua kanan) dan Samsudin (dua kiri).**

Pozzalan setahun dari kilang Eco Oils Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu untuk diproses di Bulk Cement Terminal Lahad Datu bagi menghasilkan simen campuran berkenaan.

Dalam pada itu, Sabah Cement telah membuat pengeluaran sebanyak RM5.0 juta bagi membeli mesin dan peralatan berkaitan pemrosesan simen campuran dan dijangkakan beroperasi sepenuhnya pada penghujung Mei 2018.

Turut hadir, Pengarah Eco Oils Sdn Bhd Datuk John Maluda dan Pengerusi Sabah Cement Industries Datuk Samsudin Yahya.